

07 MAY 1999

Samy-Mahathir

KEPIMPINAN DR MAHATHIR DIPERLUKAN DI ABAD KE-21, KATA SAMY VELLU

KANGAR, 7 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Malaysia masih memerlukan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melangkah ke abad ke-21.

Menurutnya soal melepaskan jawatan kepada pengganti tidak harus ditimbulkan kerana majoriti rakyat amat memerlukan kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Semasa bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan konvensyen MIC Perlis di sini hari ini, Samy Vellu berkata Dr Mahathir adalah pemimpin besar di abad ke-20 dan beliau masih berupaya memimpin negara pada abad ke-21.

"Saya merayu secara terbuka supaya perkara melepaskan jawatan itu tidak lagi dibangkitkan," katanya.

Semalam Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz juga meminta Dr Mahathir tidak lagi menyebut soal melepaskan jawatannya.

Samy Vellu berkata kekacauan yang dilakukan oleh golongan anti kerajaan baru-baru ini hanya sekitar 1,000 orang sedangkan rakyat Malaysia berjumlah 21 juta yang majoritinya mahu Barisan Nasional (BN) kekal memerintah.

Beliau juga memberi jaminan semua anggota MIC tidak akan berpaling tadah pada pilihan raya umum akan datang kerana mereka bergantung hidup kepada kerajaan sedia ada.

Walaupun terdapat beberapa orang rakyat keturunan India dalam tunjuk perasaan anjuran golongan anti kerajaan itu, Samy Vellu berkata mereka bukan anggota MIC.

"Kita percaya, mereka telah diberi upah untuk berbuat demikian," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata perpaduan sejati rakyat keturunan Melayu, India dan Cina melalui BN telah membuktikan banyak kejayaan politik dan pentadbiran negara selama ini dan tiada sebab untuk rakyat mengubah kerajaan.

Mengenai persiapan pilihan raya umum akan datang, beliau berkata MIC sudahpun memulakannya termasuk mengadakan seminar-seminar di peringkat bahagian di samping membantu proses pendaftaran pemilih.

Dalam ucapannya merasmikan konvensyen berkenaan, Presiden MIC itu berkata masyarakat keturunan India di negara ini telah mengalami perubahan mendadak dari segi ekonomi, politik dan sosial tetapi ia masih perlu ditingkatkan lagi.

Menurut laporan separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, pendapatan isi rumah masyarakat India bagi tempoh 1996-1997 meningkat pada kadar 16.3 peratus berbanding penggal rancangan sebelumnya.

Peratus peningkatan itu melebihi tahap peningkatan kaum Bumiputera 12.7 peratus dan Cina sebanyak 13.7 peratus, katanya.

Beliau berkata mengikut laporan itu, pendapatan purata isi rumah masyarakat India meningkat kepada RM2,896 berbanding RM2,140 dan ia membuktikan kehidupan masyarakat India di bawah kepimpinan kerajaan BN adalah baik.

-- BERNAMA

AD RON